



(Diperbadankan di India)

Pejabat Berdaftar: ICICI Bank Tower, Near Chakri Circle, Old Pada Road, Vadodra 390 007, India  
Pejabat Korporat: ICICI Bank Towers, Bandra-Kurla Complex, Mumbai 400 051 India

Imbangan Kira-Kira Pada 31 Mac 2024		
	₹ dalam juta	
	Pada 31.03.2024	Pada 31.03.2023
<b>MODAL DAN LIABILITI</b>		
Modal	14,047	13,968
Saham opsiyen para pekerja masih wujud	14,053	7,609
Rizab dan lebihan	2,355,893	1,985,577
Depositi	14,128,250	11,808,407
Pinjaman	1,249,676	1,193,255
Peruntukan dan liabiliti lain	953,227	833,251
<b>JUMLAH MODAL DAN LIABILITI</b>	<b>18,715,146</b>	<b>15,842,067</b>
<b>ASET</b>		
Wang tunai dan baki dengan Reserve Bank of India	897,117	685,262
Baki dengan bank-bank dan wang panggilan dengan notis singkat	502,143	509,121
Pelaburan	4,619,423	3,623,297
Perendahuluan	11,844,064	10,196,383
Aset tetap	108,598	95,999
Aset lain	743,801	732,005
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>18,715,146</b>	<b>15,842,067</b>
Liabiliti luar jangka	46,537,618	42,831,654
Bi-bil belum terima	1,007,918	864,548

### Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2024

	₹ dalam juta	
	Pada 31.03.2024	Pada 31.03.2023
<b>I. PENDAPATAN</b>		
Pendapatan faedah	1,428,909	1,092,313
Pendapatan lain	229,578	198,314
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>1,658,487</b>	<b>1,290,627</b>
<b>II. PERBELANJAAN</b>		
Faedah dibelanjakan	685,852	471,027
Perbelanjaan operasi	391,327	328,732
Peruntukan dan luar jangka	172,425	171,903
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>1,249,604</b>	<b>971,662</b>
<b>III. UNTUNG (RUGI)</b>		
Untung bersih/(rug) sepanjang tahun	<b>408,883</b>	<b>318,965</b>
Untung dibawa ke hadapan	563,570	436,713
<b>JUMLAH UNTUNG/(RUGI)</b>	<b>972,453</b>	<b>755,678</b>
<b>IV. PENGAGIHAN/PINDAHAN</b>		
Pindahan ke rizab berkanun	102,221	79,742
Pindahan ke rizab moda	333	878
Pindahan ke/dari pelaburan		
Rizab turun naik	9,928	1,044
Pindahan dari hasil dan rizab lain	-	50,000
Pindahan dari rizab khas	30,208	25,650
Dividen yang dibayar untuk tahun ini	55,986	34,794
Baki dibawa ke hadapan	773,777	563,570
<b>JUMLAH</b>	<b>972,453</b>	<b>755,678</b>

Nota : Keputusan di atas adalah ekstrak daripada Penyata Kawangan Bebas ICICI Bank Limited yang telah diaudit.

### Nisbah Kecukupan Modal

Bank adalah tertakluk kepada Basel III yakni diarah untuk mengikuti garis panduan kecukupan modal yang ditetapkan oleh RBI bermula dari 1 April 2013 . Seperti di dalam garis panduan Tahap-1, modal adalah terdiri daripada Ekuiti Biasa Tahap-1 (CET1) dan tambahan Tahap-1.

Garis panduan Basel III memerlukan Bank mengekalkan Nisbah Modal kepada Aset Berwangkang Risiko (CRAR) di bawah minima 11.70% dengan CRAR CET1 minima 8.20% dan CRAR Tahap-1 minimum 9.70%. Jumlah minima CRAR, CRAR Tahap-1 dan CRAR CET1 termasuk pemuliharaan modal sebanyak 2.50% dan keperluan modal tambahan sebanyak 0.20% kerana Bank telah ditetapkan sebagai Bank Penting Sistemik Tempatan (Domestic Systemically Important Bank).

Jadual berikut menyatakan, untuk tempoh yang dinyatakan, pengiraan kecukupan modal mengikut rangka kerja Basel III.

	₹ dalam juta, kecuali peratusan	
	Pada 31.03.2024	Pada 31.03.2023
<b>Butiran</b>		
CET1 CRAR (%)	15.60%	17.12%
Tahap-1 CRAR (%)	15.60%	17.60%
Tahap-2 CRAR (%)	0.73%	0.74%
Jumlah CRAR (%)	16.33%	18.34%
Nisbah leverage	9.79%	10.27%
Peratusan pegangan saham oleh		
a) Kerajaan India	0.22%	0.20%
Jumlah modal ekuiti yang diperolehi <sup>1</sup>		
Jumlah modal Tahap-1 bukan ekuiti yang diperolehi sepanjang tahun, yang mana:		
a) Saham Keutamaan Non-Kumulatif Kekal	..	..
b) Instrumen Hutang Kekal	..	..
Jumlah Modal Tahap-2 yang diperolehi; yang mana		
1. Instrumen Modal Hutang	..	..
2. Instrumen Modal Saham Keutamaan [Saham Keutamaan Kumulatif Kekal (PCPS)/ Saham Keutamaan bukan kumulatif Boleh Tebus (RNCPS)/ Saham Keutamaan Kumulatif Boleh Tebus (RCPSS)]	..	..

1. Di samping itu, ₹ 12,285.2 juta diperolehi melalui penggunaan saham opsiyen para pekerja pada tahun berakhir 31 Mac 2024 (tahun berakhir 31 Mac 2023: ₹ 9,644.4 juta).

### Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Para Ahli ICICI Bank Limited

#### Laporan Audit Penyata Kawangan Bebas

##### Pendapat

- Kami telah mengaudit penyata kawangan Bebas ICICI Bank Limited ("Bank") yang dilampirkan, yang terdiri daripada Lembaran Imbangan Bebas pada 31 Mac 2024, Akaun Untung Rugi Bebas, dan Penyata Aliran Tunai Bebas untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kawangan Bebas, termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan maklumat penjelasan lain (penyataan kawangan Bebas).
- Pada pendapat kami dan berdasarkan maklumat terbaik kami dan menurut penjelasan yang diberikan kepada kami, penyata kawangan Bebas yang disebutkan di atas memberikan maklumat yang dikehendaki oleh Akta Peraturan Perbankan, 1949 serta Akta Syarikat, 2013 ("Akta") dan pekelling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Reserve Bank of India ("RBI") dari semasa ke semasa ("Garis Panduan RBI") mengikut cara yang dikehendaki bagi syarikat Perbankan dan memberikan pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan yang ditetapkan di bawah seksyen 133 Akta yang dibaca bersama Peraturan Syarikat (Piawaian Perakaunan), 2021 dan prinsip perakaunan lain yang diterima umum di India, berkaitan hal ehwal Bank pada 31 Mac 2024, dan keuntungannya, dan aliran tunai/nya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

##### Asas Pendapat

- Kami menjalankan audit kami selaras dengan Piawaian Pengauditan ("SAs") yang dispesifikasikan di bawah seksyen 143 (10) Akta. Tanggungjawab kami di bawah SAs tersebut diterangkan dengan lebih lanjut di bahagian "Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kawangan Bebas" dalam laporan kami. Kami adalah bebas daripada Bank menurut Kod Etika yang dikeluarkan oleh Institute of Chartered Accountants of India ("ICAI") beserta dengan keperluan etika yang berkaitan dengan audit kami terhadap penyata kawangan Bebas termasuk peruntukan Akta juga Peraturan di bawahnya, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi untuk memberikan asas pendapat kami sewajarnya.

##### Perkara Audit Utama

- Perkara audit utama adalah perkara yang menurut pertimbangan profesional kami adalah perkara paling signifikan dalam audit kami terhadap penyata kawangan Bebas tahun semasa. Perkara-perkara ini telah ditangani dalam konteks pengauditan kami ke atas penyata kawangan Bebas secara keseluruhan, dan dalam merumus pendapat kami mengenainya, dan kami tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara-perkara ini.
- Kami telah menentukkan perkara yang diuraikan di bawah sebagai perkara audit utama untuk disampaikan dalam laporan kami.

- Pengenalpastian dan peruntukan pendahuluan tidak berbayar (NPA):** Jumlah Pinjaman dan Pendahuluan (Bersih daripada Peruntukan) pada 31 Mac 2024: ₹ 11,844,063,894 (ribu) Peruntukan bagi NPA pada 31 Mac 2024: ₹ 219,358,846 (ribu) (Rujuk Jadual 9 Jadual 17 (3) dan Jadual 18 (18))

Perkara Audit Utama	Bagaimana Audit Kami Menangani Perkara Audit Utama
Garis panduan Reserve Bank of India ("RBI") mengenai pengiraan Pendapatan dan klasifikasi & Peruntukan aset ("IRAC") serta pekelling dan arahan lain yang dikeluarkan oleh RBI dari masa ke semasa, yang menetapkan norma kehormatan untuk pengenalpastian dan pengelasan aset berprestasi dan tidak berprestasi (NPA). Bank dikehendaki mempunyai polisi yang diluluskan oleh Lembaga mengikut garis panduan IRAC untuk pengenalpastian NPA dan klasifikasi pendahuluan dan peruntukan mengenainya.	Prosedur audit kami berkenaan dengan perkara ini termasuk:  Menguji rekabentuk dan keberkesanan pengendalian kawalan utama termasuk kawalan aplikasi ke atas kelulusan, rakaman, pemantauan dan pemuliharaan pinjaman, pemantauan akaun tertunggak/tekanan, pengenalpastian NPA, peruntukan untuk NPA dan penilaian keselamatan dan cagaran berdasarkan ujian pemeriksaan. Selanjutnya memperoleh pemahaman tentang peruntukan luar jangka yang dibawa oleh Bank dan mengesahkan andaian asas yang digunakan oleh Bank untuk anggaran tersebut.
Peruntukan dianggarkan berdasarkan penuaan dan klasifikasi NPAs anggaran pemuliharaan, faktor produk pinjaman, nilai sekuriti dan faktor kualitatif lain dan tertakluk kepada norma peruntukan minimum yang ditetapkan oleh RBI dan polisi yang diluluskan oleh Bank dalam hal ini.	Kawalan aplikasi yang diuji termasuk ujian kawalan automatik laporan dan penyediaan sistem.
	Mengkaji kejewjadan dan keberkesanan mekanisme pemantauan seperti Audit Dalam dan Audit, Serentak mengikut polisi dan prosedur Bank;

##### Perkara Audit Utama

Bank juga dikehendaki menggunakan pengenalpastian untuk menentukan pengendalian dan peruntukan yang diperlukan terhadap NPAs dengan menggunakan faktor kuantitatif serta kualitatif. Risiko mengenai pasti NPAs dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tekanan dan keseimbangan kecairan dalam sektor tertentu.

Selain itu, bank membuat peruntukan bagi pendahuluan yang tidak diklasifikasikan sebagai NPA termasuk pendahuluan kepada sektor tertentu dan diklasifikasikan sebagai pendahuluan kumpulan, la diklasifikasikan sebagai peruntukan luar jangka.

Oleh kerana pengenalpastian suatu NPAs itu dan peruntukan untuk pendahuluan memerlukan tahap anggaran yang ketara signifikan dengan mengambil kira kesan dan kepentingannya terhadap keseluruhan audit termasuk kemungkinan pemerhatian oleh RBI yang boleh mengakibatkan pendahuluan dalam penyata kawangan, kami telah memastikan pengenalpastian dan peruntukan untuk NPAs sebagai perkara audit utama.

##### 2) Penilaian Litigasi termasuk liabiliti luar jangka. (termasuk di bawah liabiliti luar jangka) (dalam '000)

Butiran	Pada 31.03.2024	Pada 31.03.2023
Kes perundangan	3,829,177	3,027,295
Cukai	89,463,903	78,935,273
<b>Jumlah Tuntutan terhadap Bank tidak diakui sebagai hutang</b>	<b>93,293,080</b>	<b>81,963,018</b>

(Rujuk Jadual 12, Jadual 17 (12) dan Jadual 18(37))

##### Perkara Audit Utama

Bank mempunyai litigasi material berhubung cukai terbuca termasuk perkara di bawah pertikaian yang memerlukan pertimbangan penting pengurusan bagi menentukan kemungkinan-kemungkinan yang terhasil dari pertikaian ini.

Pertimbangan pengurusan yang signifikan diperlukan dalam menentukan samada wujud obligasi dan samada peruntukan harus diakui/para tarikh pelaporan, mengikut kriteria perakaunan yang ditetapkan di bawah Piawaian Perakaunan 29 - Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets ("AS 29"), atau samada ia perlu didedahkan sebagai liabiliti luar jangka. Selanjutnya, pertimbangan penting juga terlibat dalam mengkur obligasi tersebut yang paling ketara adalah:

- Penilaian Liabiliti: Pertimbangan dalam menilai menentukan samada aliran keluar berhubung dengan perkara material yang dikenal pasti berkemungkinan dan boleh dianggarkan dengan pasti.
  - Kecukupan peruntukan: Kesesuaian andaian dan pertimbangan digunakan dalam menganggarkan peruntukan penting, dan
  - Kecukupan pendahuluan berhubung peruntukan bagi liabiliti dan caj, dan liabiliti luar jangka.
- Penilaian Bank disokong oleh fakta perkara, pertimbangan mereka sendiri, pengalaman, dan nasihat daripada perunding guaman dan cukai bebas bila mana dianggap perlu.
- Memandangkan penilaian terhadap litigasi terbuca ini memerlukan tahap pertimbangan yang signifikan dalam menafsirkan undang-undang, kami telah memasukkan ini sebagai perkara audit utama.
- Kami telah mengaudit penyata kawangan Bebas ICICI Bank Limited ("Bank") yang dilampirkan, yang terdiri daripada Lembaran Imbangan Bebas pada 31 Mac 2024, Akaun Untung Rugi Bebas, dan Penyata Aliran Tunai Bebas untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kawangan Bebas, termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan maklumat penjelasan lain (penyataan kawangan Bebas).
  - Pada pendapat kami dan berdasarkan maklumat terbaik kami dan menurut penjelasan yang diberikan kepada kami, penyata kawangan Bebas yang disebutkan di atas memberikan maklumat yang dikehendaki oleh Akta Peraturan Perbankan, 1949 serta Akta Syarikat, 2013 ("Akta") dan pekelling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Reserve Bank of India ("RBI") dari semasa ke semasa ("Garis Panduan RBI") mengikut cara yang dikehendaki bagi syarikat Perbankan dan memberikan pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan yang ditetapkan di bawah seksyen 133 Akta yang dibaca bersama Peraturan Syarikat (Piawaian Perakaunan), 2021 dan prinsip perakaunan lain yang diterima umum di India, berkaitan hal ehwal Bank pada 31 Mac 2024, dan keuntungannya, dan aliran tunai/nya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

##### 3) Sistem dan kawalan Teknologi Maklumat ("IT") yang memberi kesan kepada kawalan kawangan.

Perkara Audit Utama	Bagaimana Audit Kami Menangani Perkara Audit Utama
Bank mempunyai seni bina IT yang kompleks untuk menyokong operasi perniagaan hariannya. Jumlah transaksi urus niaga yang tinggi diproses pada aplikasi tunggal dan berbilang.	Prosedur audit kami berkenaan dengan perkara ini termasuk:  Untuk menguji kawalan am IT, kawalan aplikasi dan kawalan manual bergantung kepada IT, kami melibatkan pakar IT sebagai sebahagian daripada audit. Pasukan uji juga membantu dalam menguji ketepatan yang dihasilkan oleh sistem IT Bank.

Kebolehppercayaan dan keselamatan sistem IT memainkan peranan penting dalam operasi perniagaan Bank. Memandangkan volume transaksi urus niaga yang besar diproses setiap hari, kawalan IT adalah diperlukan untuk memastikan aplikasi memproses data seperti yang diharapkan dan perubahan dibuat dengan cara yang sewajarnya.

Kawalan am IT dan kawalan aplikasi yang sesuai diperlukan supaya sistem IT tersebut dapat memproses data seperti yang diperlukan dengan lengkap, tepat dan konsisten untuk pelaporan kawangan yang boleh dipercayai.

Kami telah mengenal pasti 'sistem dan kawalan IT' sebagai perkara audit utama kerana automasi tahap tinggi, bilangan besar sistem yang digunakan oleh pengurusan dan kerumitan seni bina IT dan kesannya terhadap sistem pelaporan kawangan.

Prosedur audit IT utama termasuk ujian, rekabentuk dan keberkesanan pengendalian kawalan utama yang beroperasi ke atas pengurusan akses pengguna yang menggunakan akses peribadi, perubahan (termasuk perubahan pelepasan dalam perskertaan pengeluaran adalah mematuhi prosedur yang ditetapkan dan pengesanan perskertaan dipastikan), pembangunan program (termasuk kajian semula aktiviti pemindahan data), operasi komputer (yang termasuk ujian kawalan utama yang berkaitan dengan sandaran, pemrosesan Kelompok (termasuk ujian antara muka), pengurusan insiden dan keselamatan pusat data), kawalan antara muka sistem. Ini termasuk ujian bahawa permintaan untuk akses kepada sistem telah dilog, disemak dan dibenarkan dengan sewajarnya.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, rekabentuk dan keberkesanan pengendalian kawalan automatik tertentu, yang dianggap sebagai kawalan sistem dalam utama ke atas penyimpanan semula kawangan telah diuji. Menggunakan pelbagai teknik seperti inkuiri, semakan dokumentasi/ rekod / laporan, pemerhatian, dan prestasi, kami juga menguji beberapa kawalan menggunakan teknik ujian negatif.

Menguji kawalan pampasan dan melakukan prosedur alternatif, jika perlu. Di samping itu, memahami perubahan mod yang berkaitan kepada landskap IT semasa tempoh audit.

##### Maklumat daripada Penyata Kawangan Bebas dan Laporan Juruaudit Mengenainya

- Lembaga Pengarah Bank bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang disertakan dalam Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kawangan Bebas dan laporan jurauudit kami mengenainya. Laporan Tahunan dijangka akan disediakan kepada kami selepas laporan jurauudit ini selesai.

Pendapat kami mengenai penyata kawangan Bebas tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas rumusan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kawangan Bebas, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain secara material tidak bertentangan dengan penyata kawangan Bebas atau pengetahuan yang diperoleh dalam audit, atau sebaliknya kelihatan disalahnyata secara material.

Apabila kami membaca Laporan Tahunan, jika kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salahnyataan yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada mereka yang bertanggungjawab dengan tabzir urus dan mengambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana terpakai di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

##### Tanggungjawab Pengurusan dan Mereka yang Bertanggungjawab dengan Tabzir Urus untuk Penyata Kawangan Bebas

- Lembaga Pengarah Bank bertanggungjawab ke atas perkara-perkara yang dinyatakan dalam seksyen 134(5) Akta berkenaan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kawangan Bebas ini yang memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai Bank selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum di India, termasuk Piawaian Perakaunan yang dinyatakan di bawah seksyen 133 Akta, dibaca bersama dengan Peraturan Syarikat (Piawaian Perakaunan), 2021, dan peruntukan Seksyen 29 Akta Peraturan Perbankan 1949, dan pekelling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh RBI dari semasa ke semasa ("Garis Panduan RBI"). Tanggungjawab ini juga termasuk penyelenggaraan rekod perakaunan yang mencukupi selaras dengan peruntukan Akta dan Garis Panduan RBI untuk melindungi aset Bank dan untuk mencegah juga mengesan penipuan dan penyelewengan lain; pemilihan dan penggunaan polisi perakaunan yang sesuai; membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat; dan rekabentuk, pelaksanaan dan penyediaan kawalan kawangan dalam rangka kerja yang berkesan dengan berkesin untuk memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan, yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kawangan Bebas yang memberikan gambaran yang benar dan saksama serta bebas daripada salahnyataan yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan.
- Dalam menyediakan penyata kawangan Bebas, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank untuk meneruskan usaha berterusan, mendedahkan, mengikut mana yang berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan aka perakaunan usaha berterusan melainkan Lembaga Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Bank atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.
- Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab untuk memantau proses pelaporan kawangan Bank.

##### Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kawangan Bebas

- Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata kawangan Bebas secara keseluruhannya bebas daripada salahnyataan yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan, juga untuk mengeluarkan laporan jurauudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah ialah tahap jaminan yang tinggi namun ia bukanlah jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut SA akan sentiasa mengesan salahnyataan yang material apabila ianya wujud. Salahnyataan boleh timbul daripada penipuan atau kekhilafan dan dianggap material jika, secara individu atau secara agregat, ia boleh dijangka secara munasabah mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kawangan Bebas ini.

- Sebagai sebahagian daripada audit menurut SAs, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salahnyataan material penyata kawangan Bebas, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan, merekabentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko tersebut, dan dapatkan bukti audit yang mencukupi dan besebuan untuk menyediakan asas pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salahnyataan material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salahnyataan yang disebabkan oleh kekhilafan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, tinggalkan yang disengajakan, salahnyataan atau penguasaan kawalan dalaman;
  - Mendapatkan kefahaman berhubung kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk menilai dan berkesan prosedur audit yang sesuai dengan audit. Di bawah seksyen 143(3)(i) Akta, kami juga bertanggungjawab untuk menyatakan pendapat kami sama ada Bank mempunyai kawalan kawangan dalaman sedia ada yang mencukupi dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas dan keberkesanan pengendalian kawalan tersebut;
  - Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendahuluan berkaitan yang dibuat oleh Pengurusan;
  - Membuat rumusan mengenai kesesuaian penggunaan aka perakaunan usaha berterusan oleh Pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujud ketidaktepatan penting berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank untuk meneruskan usaha berterusan. Jika kami merumuskan bahawa ketidaktepatan yang material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian jurauudit kami atau, jika pendahuluan tersebut tidak memadai, kami perlu mengubah suai pendapat kami. Rumusan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan jurauudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan sama hadapan boleh menyebabkan Bank berhenti meneruskan usaha berterusan;
  - Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kawangan bebas, termasuk pendahuluan, juga menilai samada penyata kawangan bebas mewakili transaksi dan peristiwa asas dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.
- Kami berkomunikasi dengan mereka yang bertanggungjawab dengan tabzir urus, antara lain berhubung dengan masa dan skop audit yang dirancang juga penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang signifikan dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit dijalankan.
  - Kami juga memberikan pernyataan kepada mereka yang dipertanggungjawabkan dengan tabzir urus bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan pengendalian dan kepercayaan kami, adalah perlu untuk tujuan audit kami dan mendapati ia memuaskan;
  - Urus niaga Bank yang telah sampai kepada kami, adalah dalam kuasa Bank.
  - Memandangkan operasi utama Bank diautomasikan dengan aplikasi utama yang disepadukan dengan sistem perbankan teras, audit dijalankan secara berpusat kerana semua rekod dan data yang diperlukan untuk tujuan audit kami tersedia di dalamnya. Kami telah melawat 165 cawangan untuk meneliti rekod yang disimpan di cawangan untuk tujuan audit kami.

##### Laporan Berhubung Keperluan Undang-undang dan Peraturan Kawal Selia Lain

- Kunci Kira-kira dan Akaun Untung Rugi telah disediakan mengikut peruntukan Seksyen 29 Akta Peraturan Perbankan, 1949 dan Seksyen 133 Akta dan peraturan berkaitan yang dikeluarkan di bawahnya.
- Seerti yang dikehendaki oleh subseksyen (3) seksyen 30 Akta Peraturan Perbankan, 1949, kami melaporkan bahawa:

- Kami telah memperoleh semua maklumat dan penjelasan yang, sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah perlu untuk tujuan audit kami dan mendapati ia memuaskan;
- Urus niaga Bank yang telah sampai kepada kami, adalah dalam kuasa Bank.
- Memandangkan operasi utama Bank diautomasikan dengan aplikasi utama yang disepadukan dengan sistem perbankan teras, audit dijalankan secara berpusat kerana semua rekod dan data yang diperlukan untuk tujuan audit kami tersedia di dalamnya. Kami telah melawat 165 cawangan untuk meneliti rekod yang disimpan di cawangan untuk tujuan audit kami.

##### 7. Sebagaimana yang dikehendaki Seksyen 143(3) Akta, kami melaporkan bahawa:

- Kami telah mencari dan memperoleh semua maklumat dan penjelasan yang sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami adalah perlu untuk tujuan audit kami;
- Pada pendapat kami, buku akaun yang sepatutnya seperti yang dikehendaki oleh undang-undang telah disimpan oleh Bank kerana ia kelihatan daripada pemeriksaan kami terhadap buku-buku tersebut;
- Kunci Kira-kira, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai yang diuruskan oleh Laporan ini adalah selaras dengan buku akaun;
- Pada pendapat kami, penyata kawangan Bebas yang dinyatakan di atas mematuhi Piawaian Perakaunan yang dinyatakan di bawah Seksyen 133 Akta dibaca dengan peraturan berkaitan yang dikeluarkan di bawahnya, setakat ia tidak selaras dengan dasar perakaunan yang ditetapkan oleh RBI;
- Berdasarkan representasi bertulis yang diterima daripada para pengarah pada 31 Mac 2024 token yang direkodkan oleh Lembaga Pengarah, tiada sebarang pun pengarah yang hilang lalayan pada 31 Mac 2024 daripada dilantik sebagai pengarah mengikut Seksyen 164(2) Akta;
- Berkenaan dengan kecukupan kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas Bank dan keberkesanan pengendalian kawalan tersebut. Rujuk kepada Laporan berasingan kami "Lampiran A", dan
- Berkenaan dengan perkara lain yang perlu dimasukkan dalam Laporan Juruaudit, termasuk di bawah Bahagian "Perkara Audit Utama" (Perkara Audit), 2014 (seperti yang dipinda), pada pendapat kami dan mengikut maklumat terbaik kami dan mengikut penjelasan yang diberikan kepada kami:
  - Bank telah mendedahkan kesan litigasi yang belum selesai terhadap kedudukan kewangannya dalam penyata kawangan Bebasnya (Rujuk Jadual 12, Jadual 17(12) dan Jadual 18(42));
  - Bank telah membuat peruntukan, seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang atau piawaian perakaunan yang terpakai, untuk kerugian yang boleh dijangka material, jika ada, ke atas kontrak jangka panjang termasuk kontrak derivatif (Rujuk Jadual 17(12) dan Jadual 18(42));
  - Tiada kesalahan dalam memindahkan jumlah, yang perlu dipindahkan, kepada Dana Pendikatan dan Perlindungan Pelabur oleh Bank pada tahun berakhir 31 Mac 2024;
  - (1) Pihak Pengurusan telah menyatakan bahawa, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, seperti yang dinyatakan dalam jadual 18(59) kepada penyata kawangan Bebas, tiada dana telah dihulurkan atau dipinjakan atau dilaburkan (sama ada daripada dana yang dipinjam atau saham premium atau mana-mana sumber lain, atau jenis dana) oleh Bank kepada atau dalam mana-mana orang atau entiti lain, termasuk entiti asing (Pengantara), dengan pemahaman, sama ada direkodkan secara bertulis atau sebaliknya, bahawa Pengantara hendaklah, sama ada secara langsung, atau secara tidak langsung meminjamkan atau melabur dalam orang atau entiti lain yang dikenal pasti dalam apa-apa cara sekalipun oleh atau bagi pihak Bank ("Penerima Akhir") atau memberikan sebarang jaminan, sekuriti atau seumpamanya bagi pihak Penerima Akhir;
  - (2) Pengurusan telah menyatakan bahawa, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, seperti yang dinyatakan dalam jadual 18(59) kepada penyata kawangan Bebas, tiada dana telah diterima oleh Bank daripada mana-mana orang/entiti, termasuk entiti asing ("Pihak Pembiayaan"), yang Bank telah secara langsung atau tidak langsung, meminjamkan atau melabur dengan orang atau entiti lain yang dikenal pasti dalam apa-apa cara sekalipun oleh atau bagi pihak Pihak Pembiayaan atau Penerima Akhir) atau menyediakan mana-mana jaminan, keselamatan atau sebagainya bagi pihak Penerima Terakhir; dan
  - (3) Berdasarkan prosedur audit yang dilakukan, seperti yang dianggap munasabah dan wajar dalam keadaan, tiada apa yang sampai kepada perhatian kami yang menyebabkan kami percaya bahawa representasi pengurusan di bawah subfasal (1) dan (2) di atas mengandungi sebarang salah nyata yang ketara.
- Bank telah mengisytiharkan dan membayar dividen sepanjang tahun yang mematuhi seksyen 123 Akta dan Akta Peraturan Perbankan, 1949;
- Berdasarkan pemeriksaan kami yang termasuk semakan ujian, Bank telah menggunakan perisai perakaunan untuk mengekalkan buku akaunnya yang mempunyai ciri kemudahan merekod jejak audit (log edit), dan direkodkan dalam perisian. Selanjutnya, semasa menjalankan audit kami, kami tidak menemui sebarang contoh ciri jejak audit yang diganggu.

Berkenaan dengan perkara lain yang perlu dimasukkan dalam Laporan Juruaudit selaras dengan keperluan Seksyen 197(16) Akta, sebagaimana yang dipinda, Bank ialah sebuah Syarikat perbankan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Peraturan Perbankan, 1949. Sehubungan itu, keperluan yang ditetapkan di bawah Seksyen 197 Akta tidak terpakai.

Bagi M S K A & Associates Akauntan Bertauliah	Bagi KKC & Associates LLP Akauntan Bertauliah (Dahulunya Khimji Kunverji & Co LLP) No. Pendaftaran Firma ICAI 105146W/W00621
No. Pendaftaran Firma ICAI 105047W	No. Pendaftaran Firma ICAI 105146W/W00621
<b>Tushar Kurani</b> Rakan Kongsi No. Keahlian: 118580 UDIN: 24118580BKFLYA4385	<b>Vinit Jain</b> Rakan Kongsi No. Keahlian: 145911 UDIN: 24145911BKFXMP7792
Tempat: Mumbai Tarikh: 27 April 2024	Tempat: Mumbai Tarikh: 27 April 2024

##### Lampiran "A" kepada Laporan Juruaudit Bebas mengenai Penyata Kawangan Bebas ICICI Bank Limited bagi tahun berakhir 31 Mac 2024

[Dirujuk dalam perenggan "17(f)" di bawah bahagian 'Laporan mengenai Keperluan Undang-undang dan Kawal Selia Lain' dalam laporan kami bertarikh yang sama]

##### Laporan Kawalan Kawangan Dalam dengan merujuk kepada Penyata Kawangan Bebas yang disebut di atas di bawah Fasal (f) Subseksyen 3 Seksyen 143 Akta Syarikat, 2013.

##### Pendapat

- Kami telah mengaudit kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas ICICI Bank Limited ("Bank") pada 31 Mac 2024 bersempena dengan audit kami ke atas penyata kawangan Bebas Bank bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
  - Pada pendapat kami, Bank mempunyai, dalam semua aspek penting, mengenai kawalan kawangan dalaman yang mencukupi dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas dan kawalan kawangan dalaman sedemikian dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas telah beroperasi dengan berkesan pada 31 Mac 2024, berdasarkan kawalan dalaman dengan rujukan kepada kriteria penyata kawangan Bebas yang ditetapkan oleh Bank dengan mengambil kira komponen penting kawalan dalaman yang dinyatakan dalam Nota Panduan Audit Kawalan Kawangan Dalam Terhadap Pelaporan Kawangan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Terkualat India (ICAI) ("Nota Panduan").
- ##### Tanggungjawab Pengurusan terhadap Kawalan Kawangan Dalam
- Pengurusan Bank bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan kawalan kawangan dalaman berdasarkan kawalan dalaman dengan merujuk kepada kriteria penyata kawangan Bebas yang ditetapkan oleh Bank dengan mengambil kira komponen penting kawalan dalaman yang dinyatakan dalam Nota Panduan. Tanggungjawab ini termasuk rekabentuk, pelaksanaan dan penyelenggaraan kawalan kawangan dalaman yang mencukupi yang beroperasi dengan berkesan untuk memastikan pengendalian perniagaannya yang teratur dan cekap, termasuk pematuhan kepada polisi Bank, perlindungan asetya, pencegahan dan pengesanan penipuan dan kekhilafan, ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan, dan penyediaan maklumat kawangan yang boleh dipercayai tepat pada masanya, seperti yang dikehendaki di bawah Akta.

##### Tanggungjawab Juruaudit

- Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang kawalan kawangan dalaman Bank dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut Nota Panduan dan Piawaian Pengauditan, yang dikeluarkan oleh ICAI dan dianggap ditetapkan di bawah seksyen 143(10) Akta, setakat yang terpakai untuk audit kawalan kawangan dalaman. Piawaian dan Nota Panduan tersebut mengkehendaki kami mematuhi keperluan etika dan akan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang sama ada kawalan kawangan dalaman yang mencukupi dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas telah diwujudkan dan dikekalkan dan jika kawalan tersebut beroperasi dengan berkesan dalam semua aspek penting.

- Audit kami melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit tentang kecukupan kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas dan keberkesanan operasinya. Pengauditan kami terhadap kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas termasuk mendapatkan pemahaman tentang kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas, menilai risiko bahawa kelemahan ketara wujud, dan menguji dan menilai rekabentuk dan keberkesanan operasi kawalan dalaman berdasarkan risiko yang dinilai. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan jurauudit, termasuk penilaian risiko salah nyata material penyata kawangan bebas, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan.
- Kami percaya bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan besebuan untuk menyatakan pendapat audit kami tentang kawalan kawangan dalaman Bank dengan merujuk kepada penyata kawangan yang kukuh.

##### Maksud Kawalan Kawangan Dalam dengan Merujuk kepada Kawangan Berdiri Kenyataan

- Kawalan kawangan dalaman Bank dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas adalah satu proses yang direka untuk memberikan jaminan munasabah mengenai kebolehppercayaan pelaporan kawangan dan penyediaan penyata kawangan Bebas untuk tujuan luaran menurut prinsip perakaunan yang diterima umum. Kawalan kawangan dalaman Bank dengan merujuk kepada simpanan kawangan Bebas termasuk polisi dan prosedur yang (1) berkaitan dengan rekod rekod, dengan terperinci yang boleh digunakan semula, dengan tepat dan saksama mengembarkannya urus niaga dan pelupusan aset bank; (2) memberikan jaminan yang boleh dipercayai bahawa urus niaga bih direkodkan dengan penuh dan berlanjutan bih bank adalah mod hanya mengikut kebenaran pengurusan dan pengarah Bank; dan (3) memberikan jaminan yang munasabah berkaitan pencegahan atau pengesanan tepat pada masanya terhadap pemerolesan, penggunaan, atau pelupusan tanpa kebenaran aset bank yang boleh memberi kesan material pada penyata kawangan bebas.

##### Had Inheren Kawalan Kawangan Dalam dengan Rujukan kepada Penyata Kawangan Bebas

- Disebabkan oleh batasan sedia ada kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas, termasuk kemungkinan pakatan sulit atau pengurusan yang tidak betul mengatasi kawalan, salah nyata material akibat kekhilafan atau penipuan mungkin berlaku dan tidak dapat dikesan. Juga, unjuran bagi sebarang penilaian kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan bebas kepada tempoh masa hadapan adalah tertakluk kepada risiko bahawa kawalan kawangan dalaman dengan merujuk kepada penyata kawangan Bebas mungkin menjadi tidak mencukupi kerana perubahan dalam keadaan, atau tanpa pematuhan kepada dasar atau prosedur mungkin merosot.

Bagi M S K A & Associates Akauntan Bertauliah	Bagi KKC & Associates LLP Akauntan Bertauliah
--	--